



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



16 November 2017

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan
Laporan PAC Parlimen Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail,
Batu Pahat, Johor Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen pada 23 November 2015.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 19 April 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha KKR yang diwakili Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KKR, Datuk Abdul Razak Jaafar dan Ketua Setiausaha KKM, Dato' Seri Dr Chen Chaw Min bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.
- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan setahun lebih awal.
 - ii) Kelewatan Membaiki Kecacatan.

- iii) Kerugian Tidak Langsung
 - iv) Peranan JKR Dalam Pemantauan Projek
- 5) PAC Parlimen juga mengadakan lawatan kerja ke Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor pada 2 Oktober 2017 bagi melihat sendiri kemajuan fizikal di hospital berkenaan seperti Lif Lobi, Aras 1, Blok B, Aras 6, Blok B dan Aras 3 High Dependency Ward.
- 6) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:
- i) walaupun projek ini dilaksanakan secara rundingan terus serta reka dan bina JKR sepatutnya daripada awal harus meneliti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam beberapa komponen reka bentuk projek yang didapati tidak sesuai dan tidak mencapai standard hospital.
- 7) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
- i) Pemilihan kontraktor dan perunding bagi melaksanakan projek-projek Kerajaan khususnya fasiliti kesihatan perlu dibuat berdasarkan keupayaan kewangan dan teknikal terutamanya bagi lantikan secara rundingan terus.
 - ii) Kaedah pelantikan dan pembayaran perunding perlu dikaji semula oleh MoF dimana Kerajaan membayar terus kepada perunding walaupun kaedah pembinaan itu secara reka dan bina supaya wujud proses *check and balance*.
 - iii) PAC Parlimen meminta supaya KKR membuat laporan kepada Lembaga Profesional yang berkaitan terhadap kecuaiian yang dilakukan oleh kontraktor dan perunding. Lembaga profesional juga perlu membuat penentuan profesionalisme perunding sentiasa dipantau dan dipatuhi;

- iv) Perunding yang dilantik bagi projek Reka dan Bina perlu berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF). Kontraktor yang dilantik perlu berdaftar dengan CIDB di bawah pengkhususan berikut iaitu B04 dan B29;
 - v) KKR perlu menyenaraihitamkan perunding dan kontraktor Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail berikutan kecuaiian serta kelewatan projek.
 - vi) MoF perlu mengkaji semula Pekeliling yang memberi kemudahan kenderaan projek bagi memastikan ia benar-benar menepati keperluan projek yang berkenaan dan kenderaan terbabit menjadi hak milik Kerajaan bukan kontraktor;
 - vii) JKR perlu menjelaskan peranan mereka sebagai pegawai penguasa untuk projek reka dan bina serta runding terus berikutan Jabatan ini sepatutnya melindungi kepentingan Kerajaan di mana CPC adalah tanggungjawab JKR untuk projek ini.
 - viii) JKR hendaklah mematuhi semua Garis Panduan mereka sendiri dan juga semua pekeling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dalam melaksanakan projek.
- 8) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Projek Naik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac